



UM.TNC2/UPUM/625/1/Jld. 3 (50)

28 Mac 2016

SENARAI EDARAN

YBhg Datuk/Dato'/Datin/ Tuan/Puan,

PELAKSANAAN PROJEK/KAJIAN/KHIDMAT PERUNDINGAN WAJIB MELALUI UNIT PERUNDINGAN UNIVERSITI MALAYA (UPUM)


Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dalam Mesyuarat Majlis UPUM pada 20 Julai 2012 yang dipengerusikan oleh Naib Canselor telah BERSETUJU agar semua Projek/ Kajian/ Khidmat perundingan **WAJIB DIJALANKAN MELALUI UNIT PERUNDINGAN UNIVERSITI MALAYA (UPUM)**.
3. Keperluan untuk pelaksanaan semua Projek/ Kajian/ Khidmat perundingan WAJIB melalui UPUM berdasarkan kepada justifikasi berikut:
 - (a) Projek/kajian/khidmat perundingan adalah merupakan salah satu keperluan KPI yang perlu dipenuhi oleh staf akademik. Dengan penyelarasan pelaksanaan projek/kajian/khidmat perundingan melalui UPUM, semua maklumat bagi aktiviti perundingan yang dijalankan akan dapat direkodkan secara sistematik bagi tujuan audit dan pengesahan data/maklumat aktiviti perundingan yang diperlukan oleh pelbagai pihak.
 - (b) UPUM merupakan 'one-stop centre' bagi semua aktiviti perundingan yang dijalankan oleh staf UM. Oleh yang demikian, dengan penyelarasan fungsi untuk menguruskan aktiviti perundingan di UM, ia dapat mengelakkan pertindihan fungsi bagi aktiviti perundingan yang turut dijalankan di sesetengah PTj Akademik dan UPUM juga dapat memperkukuhkan urusan pemantauan prestasi projek/kajian/khidmat perundingan yang dijalankan agar lebih efisien dan efektif.
 - (c) UPUM juga turut terlibat dalam membantu Unit Perundangan UM menguruskan semua dokumen berkaitan kontrak/perjanjian di antara pihak UM dan pihak klien. Dengan penyelarasan ini, isi kandungan perjanjian bagi aktiviti perundingan yang dijalankan akan dapat dikawal sepenuhnya bagi tujuan menjaga kepentingan dan liabiliti pihak UM.
 - (d) Maklumat mengenai pendapatan kewangan dari aktiviti perundingan yang dijalankan juga dapat dilaporkan kepada pihak Bendahari UM bagi tujuan pengemaskinian maklumat cukai pendapatan dan hal-hal berkaitan kewangan yang lain.

☐ Untuk tindakan: _____

☒ Edaran

☐ Fail


PROFESOR DR. ABDULLAH SAMAD
Dekan
Fakulti Sains Komputer & Teknologi
Maklumat

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Aras 8, Canselor, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Office of the Deputy Vice-Chancellor (Research & Innovation)
Level 8, Chancellory, University of Malaya,
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Tel: (603) 7967 3202/3226/3435/3394/3396/7851/7852 Fax: (603) 7957 5451

(e) Membantu pihak Universiti dalam meningkatkan pendapatan melalui:

- (i) caj penggunaan ruang dan kemudahan peralatan termasuk peralatan penyelidikan yang digunakan dalam aktiviti perundingan yang dijalankan oleh staf UM. Staf akademik yang terlibat perlu memastikan agar kos penggunaan ruang dan kemudahan peralatan termasuk peralatan penyelidikan berkenaan diambilkira dalam projek perundingan yang dijalankan. Pihak UPUM akan menyalurkan kos yang berkaitan kepada pihak Universiti.
- (ii) potongan syer kepada pihak UM bagi yuran perundingan melebihi RM50,000 setahun yang diterima oleh staf akademik mengikut Garis Panduan Pengurusan Kewangan Kerja Perundingan yang digunapakai kini. Butiran lengkap mengenai potongan syer berkaitan aktiviti perundingan boleh diakses daripada Garis Panduan Pengurusan Kewangan Kerja Perundingan yang terdapat pada Laman Web Rasmi UPUM <http://upum.um.edu.my>

(f) Memudahkan urusan pentadbiran dan mobiliti staf yang terlibat dengan projek/kajian/khidmat perundingan dalam menjalankan kerja lapangan/ mesyuarat bagi aktiviti perundingan yang dijalankan .

Berdasarkan justifikasi yang diberikan, semua staf Universiti Malaya yang terlibat dalam projek/kajian/khidmat perundingan adalah **DIWAJIBKAN** untuk menjalankan aktiviti projek/kajian perundingan melalui UPUM berkuatkuasa mulai tahun 2013. Kerjasama YBhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon agar dapat menghebahkan perkara ini kepada semua staf di bawah seliaan YBhg Datuk/Dato'/Datin/ Tuan/Puan untuk makluman dan tindakan sewajarnya

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,



PROFESOR DR. NOORSAADAH ABD RAHMAN
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

s.k. Naib Canselor, Universiti Malaya
Pengarah, Unit Perundingan Universiti Malaya